



## **CATUR**

### **1. UNDANG-UNDANG CATUR PERMAINAN**

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Catur Antarabangsa (FIDE) dan Peraturan Am Sukan MASUM.

### **2. JENIS PERTANDINGAN**

- 2.1 Pertandingan antara pasukan Universiti-universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.
- 2.2 Pertandingan yang dipertandingkan adalah:
  - 2.2.1 Pertandingan berpasukan Lelaki
  - 2.2.2 Pertandingan berpasukan Wanita

### **3. PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN**

- 3.1 Setiap university dibenarkan mendaftar:
  - 3.1.1 Satu pasukan lelaki
    - 3.1.1.1 Pasukan terdiri daripada 6 pemain, iaitu 4 pemain utama dan 2 pemain simpanan
  - 3.1.2 Satu pasukan wanita
    - 3.1.2.1 Pasukan terdiri daripada 6 pemain, iaitu 4 pemain utama dan 2 pemain simpanan
- 3.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada jawatankuasa pengelola sebelum pertandingan pertama bermula.
- 3.3 Hanya pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam kejohanan ini.

### **4. SISTEM PERMAINAN**

- 4.1 Pertandingan adalah dijalankan secara system Swiss.
- 4.2 Pendaftaran Pemain
  - 4.2.1 Susunan pemain yang didaftarkan adalah tetap dan tidak boleh dipinda.
  - 4.2.2 Untuk setiap kategori permainan, setiap pasukan hendaklah mendaftar dan menyerahkan senarai pemain yang akan bermain (4 orang pemain sahaja). Masa pendaftaran pemain 15minit sebelum permainan dimulakan.

#### 4.3 Tempoh permainan

4.3.1 Masa permainan adalah 90 minit untuk setiap pemain. Jumlah jam maksima satu permainan adalah 180 minit.

#### 4.4 Kawalan Masa

4.4.1 Kawalan masa untuk setiap permainan dibuat dengan menggunakan jam catur.

#### 4.5 Merekod Permainan

4.5.1 Setiap pemain dikehendaki merekod setiap pergerakan yang dilakukan. Pemain yang mempunyai baki masa 5 minit atau kurang dikecualikan dari merekod.

### 5. KEPUTUSAN

#### 5.1 Setiap pemain akan diberi mata seperti berikut:

Menang 1 mata  
Seri  
 $\frac{1}{2}$  mata  
Kalah 0 mata

#### 5.2 Jumlah mata yang dikumpulkan oleh pemain setiap pasukan akan menjadi pemutus kepada kedudukan pasukan berkenaan bagi setiap permainan. Cara memberi mata adalah:

Menang 1 mata  
Seri  
 $\frac{1}{2}$  mata  
Kalah 0 mata

#### 5.3 Pengiraan pemenang berdasarkan:

- 5.3.1 Game Point
- 5.3.2 Match Point
- 5.3.3 PE (Personal Encounter)
- 5.3.4 BroadDown

### 6. PAKAIAN

#### 6.1 Pemain hendaklah berpakaian kemas (tidak dibenarkan berselipar)

### 7. KELEWATAN

#### 7.1 Pemain yang datang selepas 90 minit permainan dimulakan dikira kalah. Pemain pasukan lawan diberi mata 1 (satu). Jika kesemua anggota pemain satu pasukan tidak hadir selepas 90 minit, maka pasukan lawan dikira menang dan diberi mata 1, sementara setiap pemainnya akan juga diberi mata 1 (satu).